

PM nafi lantik Ali Abul Hassan Menteri Kewangan ke-2

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

UM 24 JAN 2002

KUALA LUMPUR 23 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menolak spekulasi kononnya beliau telah melantik bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman menjadi Menteri Kewangan Kedua.

Perdana Menteri sebaliknya berkata, beliau masih belum pun memikirkan untuk melantik sesiapa ke jawatan itu.

“Saya tidak sedar mengenai perkara ini sehingga anda tanya,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai laporan agensi berita bahawa Ali telah dilantik ke jawatan tersebut.

“Saya fikir media mesti lebih tahu daripada saya. Tetapi saya tidak tahu (mengenai pelantikan itu),” katanya.

Perdana Menteri turut membidas media asing kerana sanggup mengada-adakan cerita membabitkan beliau, untuk dimuatkan dalam penerbitan mereka.

“Saya mahu menyatakan bahawa saya tidak membawa kenderaan pacuan empat roda dengan seseorang ke Lebuhraya Karak.

“Saya fikir orang ini tidak patut mengendalikan sebarang majalah atau akhbar sama sekali, jika mereka begitu kekeringan berita sehingga terpaksa mereka-reka cerita,” katanya.

Majalah *Far Eastern Economic Review* (FEER) dalam keluaran 24 Januari lalu, melaporkan kononnya Dr. Mahathir telah membawa keluar bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dari penjara untuk membincangkan ‘perdamaian politik’ dalam perjalanan dengan kereta di Lebuhraya Karak.